

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA
RAYUAN SIVIL NO. CB-12B-16-11/2022

ANTARA

ZAINAL ABIDIN BIN ISMAIL

... PERAYU

DAN

NOR PADILAH BINTI AWANG

... RESPONDEN

[DALAM MAHKAMAH SESYEN DI TEMERLOH
DALAM NEGERI PAHANG DARUL MAKMUR, MALAYSIA
GUAMAN SIVIL NO. CB-A53KJ-314-12/2020

ANTARA

NOR PADILAH BINTI AWANG

... PLAINTIF

DAN

ZAINAL ABIDIN BIN ISMAIL

... DEFENDAN]



ALASAN PENGHAKIMAN

Pendahuluan

[1] Ini adalah rayuan terhadap keputusan Hakim Mahkamah Sesyen berkaitan dengan tuntutan gantirugi kemalangan jalan raya. Kejadian malang itu telah berlaku pada 22.12.2018. Ia telah menyebabkan kecederaan yang dialami pada Responden/Plaintif. Perayu/Defendant tidak berpuas hati dengan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut. Dalam alasan ini Perayu dan Responden akan dirujuk sepetimana kedudukan pihak-pihak semasa prosiding di Mahkamah Sesyen.

[2] Plaintiff dan Defendant semasa di Mahkamah Sesyen telah dapat bersetuju bahawa liabiliti di dalam kes adalah 50 % kepada Plaintiff dan 50 % kepada Defendant. Oleh itu isu liabiliti tidak menjadi isu dalam kes ini. Kes ini hanyalah berkaitan dengan kuantum sahaja.

[3] Mahkamah Sesyen pada 07.11.2022 telah memutuskan semua gantirugi am dan gantirugi khas kesemuanya berjumlah RM2,141,512.05 dengan faedah 5 % setahun terhadap gantirugi am dan 2.5 % terhadap gantirugi khas.

[4] Defendant tidak berpuas hati terhadap kuantum gantirugi tersebut di dalam beberapa maudu' tertentu. Maudu' tersebut yang tidak dipersetujui oleh Defendant.



[5] Dalam kes ini Plaintiff telah mengemukakan tiga orang saksi. Penelitian kepada nota keterangan tidak menunjukkan bahawa Defendan mengemukakan saksi. Namun begitu Mahkamah telah membenarkan pihak-pihak mengemukakan dokumen-dokumen iaitu laporan pakar bagi diteliti oleh hakim bicara untuk pertimbangan kuantum gantirugi am dan gantirugi khas.

Analisa

[6] Penentuan gantirugi dalam kecederaan yang dialami oleh individu adalah sesuatu yang sukar. Ia memerlukan penelitian kepada kecederaan yang dialami dan laporan pakar berkaitan kecederaan tersebut. Di samping itu pertimbangan kepada ilat yang dihadapinya itu telah menghalang Plaintiff daripada menikmati kehidupan seperti biasa sebelum kecederaan itu dialami olehnya.

[7] Dalam hal ini pandangan Lord Goddard dalam kes **British Transport Commission v Gourley [1956] A.C 185** adalah menarik untuk diteliti apabila dinyatakan seperti berikut:

“The assessment of general damages in these cases is always a matter of difficulty. I do not think that restitutio in integrum has any application to general damages. The plaintiff receives compensation and not restitution. If he has lost an eye or a limb he can be compensated by money, but that will not restore what he has lost. So, too, if his earning capacity is lessened or destroyed, the loss cannot be



measured so as to ensure that he is no worse off in the future than he was in the past, and, indeed, if it turned out that the amount of his disability was less than was anticipated at the trial, he might even be overcompensated. On this matter I would quote Lord Dunedin in Admiralty Commissioners v. Susquehanna (Owners): "If the damage be general, ... the quantification of such damage is a jury question. ... For a jury question no rigid rules, or rules that apply to all cases, can be laid down, but in each set of circumstances certain relevant considerations will arise which, were the matter before a judge, it would be the duty of the judge in the case to bring before the jury." A judge sitting without a jury must act on the same principles and bear in mind the same considerations as he would direct a jury to do as to the fair amount to award both for pain and suffering and for loss of earning capacity, and I think it would be well to remember that it has always been laid down that damages cannot be a perfect compensation. Lord Wensleydale, when one of the judges of the King's Bench, as he was for six years, so charged the jury in Armsworth v. South Eastern Railway Co., and his direction was approved by the Exchequer Chamber in Rowley v. London & North Western Railway Co."

- [8] Mahkamah juga perlu menimbangkan bahawa penentuan suatu gantirugi adalah bukannya semata-mata pengiraan angka dan jumlah tetapi ia adalah bergantung kepada keterangan-keterangan yang diputuskan oleh hakim bicara setelah meneliti laporan-laporan dan



keterangan-keterangan pakar berkenaan dengan kemalangan tersebut. Hakikat gantirugi itu telah dinyatakan oleh Lindley LJ dalam kes **Rodocanachi v Milburn [1886] Q.B.D. 67** seperti berikut:

“The next question is as to the damages. It must be remembered that the rules as to damages can in the nature of things only be approximately just, and that they have to be worked out, not by mathematicians, but by juries.”

[9] Semasa mendengar rayuan berkenaan dengan gantirugi Mahkamah ini perlu mempertimbangkan panduan yang diberikan oleh Mahkamah Agong keadaan di mana mahkamah yang mendengar rayuan boleh campur tangan di dalam gantirugi yang telah diputuskan oleh Mahkamah Bicara. Ini dinyatakan dalam kes **Tan Kuan Yau v Suhindrimani [1985] 2 MLJ 22** seperti berikut:

“The principle that could guide this court in determining whether it should interfere with the quantum of damages is crystal clear. What is also clear is that much depends on the circumstances of each case, in particular the amount of the award. In a particular case therefore it is for the appeal court to consider whether in the light of the circumstances of that case there is an erroneous estimate of the amount of the damage in that, either there was an omission on the part of the Judge to consider some relevant materials, or he had admitted for purposes of assessment some irrelevant considerations. If the court is satisfied or convinced that the



Judge has acted upon wrong principles of law then it is justified in reversing; indeed, it is its duty to reverse the finding of the trial Judge.”

- [10] Begitu juga dalam kes **Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284** yang turut menegaskan garis panduan bilakah hakim bicara boleh campur tangan dalam gantirugi yang telah diputuskan oleh hakim bicara. Mahkamah Persekutuan menyatakan seperti berikut:

“Or another way of putting it – that it is a matter of assessment but not of calculation. So far as this court is concerned we should, to paraphrase Greer L.J. in Flint Levell [1935] 1 KB 354 360 be disinclined to reverse the finding of a trial judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage. The assessments which the courts have made over the years form some guide to the kind of figure which is proper and which the appellate court will follow in the light of the special facts of each particular case.”

- [11] Penelitian kepada kes-kes di atas menunjukkan bahawa ruang untuk hakim yang mendengar rayuan campur tangan dalam keputusan hakim bicara berkenaan gantirugi adalah tidak luas. Ia hanya boleh



dilakukan sekiranya didapati bahawa hakim bicara telah memutuskan gantirugi tersebut tidak berdasarkan kepada prinsip undang-undang berkenaan dengan gantirugi, jumlah yang diberikan adalah tidak sejajar dengan keputusan-keputusan yang lalu berkenaan dengan gantirugi tersebut atau gantirugi tersebut terlampau rendah atau terlampau berlebihan. Di samping itu sekiranya gantirugi tersebut diberikan tanpa sokongan keterangan yang sewajarnya boleh juga menjadi asbab kepada campur tangan hakim rayuan dalam keputusan gantirugi tersebut.

Severe Head Injury (GCS 8/12) Multiple Intracranial Bleed Award

[12] Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan award sebanyak RM250,000.00. Peguam Defendan menyatakan sepatutnya tidaklah terlalu tinggi, sepatutnya diberikan sebanyak RM130,000.00 sahaja. Ini adalah kerana laporan Doktor Ravi yang menyatakan Plaintiff mengalami kesan sampingan dari ubat psikiatri bukan dari kemalangan dan keterangan itu ditambah pula dengan fakta bahawa Plaintiff boleh hadir di Mahkamah dan memberi keterangan di Mahkamah dengan baik dan beliau juga telah mencadangkan RM130,000.00 diberikan. Sebaliknya peguam Plaintiff menyatakan jumlah RM250,000.00 adalah kecil dan perlu dinaikkan kepada RM400,000.00 kerana ia adalah merupakan kecacatan kekal yang dihadapi oleh Plaintiff.

[13] Hakim Mahkamah Sesyen berpandangan bahawa walaupun keadaan terkini Plaintiff dalam laporan menunjukkan terdapatnya pembelian awal namun kecederaan tersebut telah membawa



perubahan kepada sikap, mood dan halusinasi. Plaintiff juga dikatakan pada tahap yang tidak membolehkan Plaintiff berjalan bersendirian dan juga tidak boleh bekerja. Dalam kes tersebut Mahkamah Sesyen telah merujuk kepada kes **Mohd Syukor bin Mohd Rasip v Nurdiana binti Ismail & Anor [2021] 1 PIR 3**. Mahkamah ini berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen telah memberi pertimbangan yang wajar berkenaan dengan keadaan Plaintiff ekoran daripada kemalangan tersebut dan telah mengambil kira kecederaan dan keilatan yang dialami oleh Plaintiff. Jumlah award tersebut adalah tidak wajar diganggu oleh Mahkamah ini.

Maxillary Anterior Dentoalveolar Fracture with Soft Tissue Injury

[14] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan RM15,000.00. Peguam Defendan telah berhujah ia wajar diturunkan kepada RM9,000.00 kerana terdapat kekeliruan dalam *facial bones maxilla* yang dicadangkan RM14,500.00 hingga RM30,000.00. Ia sepatutnya dirujuk kepada *facial bones – alveolus* yang dicadangkan oleh pihak Defendan adalah sebanyak RM7,000.00 hingga RM9,500.00 kerana terdapatnya kecederaan di tulang rahang maka dicadangkan sebanyak RM9,000.00. Peguam Plaintiff mencadangkan bagi item ini award adalah munasabah dan perlu dikekalkan. Hakim Mahkamah Sesyen menyatakan bahawa asas kepada penentuan jumlah RM15,000.00 tersebut adaah disebabkan kecederaan yang dinilai oleh Hakim Mahkamah Sesyen dan tahap pemulihan baik Plaintiff dan tiada keilatan teruk seperti yang dinyatakan dalam laporan pakar yang dikemukakan. Mahkamah ini berpendapat bahawa penetapan jumlah tersebut oleh



Hakim Mahkamah Sesyen adalah berdasarkan kepada penelitian hakim bicara kepada laporan pakar yang tidak mewajarkan jumlah yang lebih tinggi yang diberikan oleh hakim bicara iaitu RM 15,000.00. Mahkamah ini tiada alasan untuk mengganggu dapatan Hakim Mahkamah Sesyen tersebut.

Subcutaneous Emphysema Of Posterior Right Chest Wall

[15] Hakim Mahkamah Sesyen mengawardkan sebanyak RM35,000.00 dan award ini mengikut hujahan peguam pihak Defendan telah melebihi trend yang dinyatakan dalam Compendium iaitu RM4,000.00 hingga RM5,000.00 per rib tetapi dalam kes ini ia telah melebihi dan mencadangkan supaya award global diberikan sebanyak RM27,000.00. Peguam Plaintiff berhujah bahawa kecederaan yang dialami adalah parah dan jumlah RM35,000.00 itu adalah suatu yang tidak munasabah dan hendaklah dinaikkan kepada RM50,000.00. Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan jumlah tersebut berdasarkan kepada lima kepatahan pada tulang rusuk. Hakim Mahkamah Sesyen telah merujuk kepada *Guidelines for Awards in Personal Injury Claim* dan mendapati award yang boleh diberikan bagi setiap kepatahan tulang rusuk adalah RM4,000.00. Mahkamah ini berpandangan jumlah RM27,000.00 bagi lima kepatahan tulang rusuk tersebut adalah wajar dan tiada alasan untuk Mahkamah ini campur tangan dalam jumlah yang diawardkan tersebut.

[16] Begitu juga adalah tidak wajar untuk jumlah tersebut dinaikkan kepada RM50,000.00 seperti yang dicadangkan oleh pihak Plaintiff. Ini



adalah kerana keparahan yang dialami oleh Plaintiff tersebut tidak boleh dilihat secara berasingan dengan jumlah tulang rusuk yang telah patah seperti yang dinyatakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen tersebut.

Grade IV Liver Injury

[17] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan sebanyak RM20,000.00. Hakim Mahkamah Sesyen telah berpandukan kepada *Guidelines for Awards in Personal Injury Claim* di mana dinyatakan jumlah yang paling rendah adalah RM12,000.00 dan paling tinggi adalah RM18,000.00. Mahkamah bicara telah menetapkan RM20,000.00 sebagai suatu yang sesuai dilihat kepada kecederaan yang dialami oleh Plaintiff. Mahkamah ini mendapati ianya suatu yang tidak perlu kepada campur tangan Mahkamah. Ini ditambah pula terdapat keterangan menunjukkan terdapatnya kecederaan tahap 4 pada bahagian hati Plaintiff.

Grade I Splenic Injury

[18] Sementara bagi *Grade I Splenic Injury* Peguam Defendan berhujah ia melebihi daripada trend dan dicadangkan sebanyak RM10,000.00 dan Peguam Plaintiff mencadangkan ia dikekalkan. Hakim Mahkamah Sesyen telah mengambil kira kecederaan dan keilatan yang dialami oleh Plaintiff dan memutuskan bahawa jumlah RM15,000.00 adalah bersesuaian berdasarkan juga kepada panduan dalam kes **Mohd Nazri bin Abu Bakar & Anor v Khalijah binti Man & Anor**



[2019] 1 PIR 56. Mahkamah ini juga berpendapat tiada alasan untuk mengubah dapatan hakim bicara.

Closed Right Neck of Scapula Fracture

[19] Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan award sebanyak RM20,000.00. Peguam Defendan menyatakan jumlah tersebut tidak sepatutnya sedemikian disebabkan tiada sebarang kependekkan dan tidak melibatkan pembedahan. Peguam Defendan mencadangkan jumlah yang wajar adalah sebanyak RM14,000.00. Namun demikian Hakim Mahkamah Sesyen mendapati bahawa terdapatnya kecederaan yang dialami oleh Plaintiff iaitu *malunited fracture of scapula with medial displacement of glenoid process*. Ia telah menyebabkan berlakunya kesakitan kekal pada bahu kanan Plaintiff. Kesakitan tersebut pada hemat Mahkamah ini adalah suatu sebab yang kukuh untuk jumlah sebanyak RM20,000.00 diberikan oleh hakim bicara sebagai gantirugi dan menolak jumlah RM25,000.00 yang dicadangkan oleh Plaintiff dan RM14,000.00 yang diutarakan oleh Defendan. Ia adalah berpatutan dan tiada alasan untuk Mahkamah ini mengganggu jumlah tersebut.

Closed Fracture of Right Midshaft Clavicle with 1cm Shortening

[20] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan sebanyak RM30,000.00 yang ianya melebihi daripada trend iaitu RM20,000.00 tetapi mengikut peguam Plaintiff ia adalah munasabah dan berpatutan dan memohon supaya dikekalkan. Mahkamah ini berpendapat jumlah tersebut adalah wajar dan berpatutan. Tiada keterangan yang



dikemukakan bagi membolehkan jumlah tersebut diganggu oleh Mahkamah ini.

Traumatic Total Amputation of The Distal Phalanx of Right 5th Toe

[21] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan sebanyak RM14,000.00 dan dihujahkan bahawa Hakim Mahkamah Sesyen telah terkhilaf dalam hal tersebut dan ia tidak bergantung kepada garis panduan dan ia tidak tepat. Peguam Defendan memohon jumlah tersebut dikurangkan. Penelitian kepada alasan penghakiman Hakim Mahkamah Sesyen yang mengawarkan sejumlah RM14,000.00 tersebut bersandarkan kepada kecederaan yang dialami oleh Plaintiff dan berlaku pemotongan jari kaki sebelah kanan dan ia adalah suatu kecederaan kekal. Mahkamah ini berpendapat jumlah RM14,000.00 tersebut jika dilihat dengan kecederaan dan pemotongan jari kaki kanan tersebut ia merupakan kecederaan kekal adalah sesatu yang wajar diberikan dan tidak perlu campur tangan Mahkamah ini.

Open Undisplaced Fracture of Proximal Phalanx of The Right 5th Toe

[22] Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan award sebanyak RM7,000.00. Peguam Plaintiff mencadangkan jumlah yang sepatutnya diberikan adalah RM10,000.00. Mahkamah ini berpandangan jumlah RM7,000.00 itu adalah wajar berdasarkan kepada kecederaan yang dialami oleh Plaintiff dan tidak perlu dilakukan sebarang penambahan kepada jumlah tersebut.



Left Eye Chemosis

[23] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan sebanyak RM8,000.00 kerana Hakim Mahkamah Sesyen mengambil kira kecederaan tambahan yang berlaku. Peguam Defendan menyatakan ia adalah tidak wajar. Sementara peguam Plaintiff menyatakan ia adalah suatu yang munasabah. Asas kepada jumlah RM8,000.00 yang ditetapkan oleh Hakim Mahkamah Sesyen adalah berdasarkan kepada kecederaan yang dialami di bahagian kiri mata yang dikenali sebagai *left periorbital haematoma with chemosis*. Pada hemat Mahkamah ini kecederaan tersebut adalah suatu yang wajar diberikan jumlah yang sedemikian dan adalah tidak wajar untuk Mahkamah ini mengganggu jumlah tersebut.

Multiple Scars

[24] Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan award sebanyak RM15,000.00 dan Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan alasan mengapa beliau memberikan RM15,000.00 tersebut. Ia tidak menjadi apa-apa pertikaian dalam kes ini dan jumlah tersebut dikekalkan oleh Mahkamah.

Loss of Teeth

[25] Hakim Mahkamah Sesyen telah memberikan jumlah sebanyak RM15,000.00. Peguam Defendan menyatakan bahawa gantirugi itu adalah tidak wajar diberikan kerana tiadanya diagnosis kehilangan gigi



tersebut. Sebaliknya Mahkamah berpendapat bahawa ia harus dibenarkan disebabkan terdapatnya butiran kecederaan tersebut dinyatakan dalam laporan perubatan awal walaupun ia tidak dinyatakan dalam laporan perubatan pakar. Secara khusus terdapat laporan pakar yang mengesahkan bahawa Plaintiff telah kehilangan beberapa gigi. Oleh kerana itu Mahkamah berpendapat garis panduan yang digunakan oleh Hakim Mahkamah Sesyen dalam memberikan award sebanyak RM25,000.00 hingga RM30,000.00 bagi kehilangan gigi adalah wajar untuk diberikan. Sejumlah RM15,000.00 kesemuanya dalam kehilangan gigi Plaintiff dalam kes ini.

Muscle Wasting

[26] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan sebanyak RM10,000.00. Ia disebabkan terdapat laporan yang menunjukkan bahawa terdapat *muscle wasting* pada dua bahagian *knee joint* Plaintiff. Tiada keterangan yang dapat menyanggah laporan tersebut dan ia adalah suatu yang betul untuk Hakim Mahkamah Sesyen bersandarkan kepada laporan tersebut bagi mengawardkan jumlah RM10,000.00.

Bilateral Moderate to Severe Mixed Hearing Loss

[27] Hakim Mahkamah Sesyen telah mengawardkan sebanyak RM40,000.00. Namun ia dibantah oleh pihak Defendan disebabkan laporan ENT Defendan tidak menunjukkan kecederaan yang sedemikian. Hakim Mahkamah Sesyen berpendapat bahawa terdapat keterangan daripada laporan pakar Plaintiff yang menunjukkan bahawa



Plaintif mengalami masalah pendengaran pada kedua-dua bahagian telinga dan keilatan tersebut adalah bersifat kekal. Sekali lagi dalam kes ini Hakim Mahkamah Sesyen telah merujuk kepada *Guidelines for Awards in Personal Injury Claim* yang menetapkan jumlah paling rendah adalah RM36,000.00 dan jumlah tertinggi adalah RM55,000.00. Ia adalah sesuai untuk Hakim Mahkamah Sesyen memberikan award sebanyak RM40,000.00 berdasarkan kepada kecederaan yang dialami oleh Plaintiff.

Kos Rawatan Masa Hadapan

[28] Seterusnya berkenaan dengan kos rawatan masa hadapan bagi kecederaan pergigian dan bantuan pendengaran, Mahkamah mendapati bahawa berdasarkan laporan pakar Plaintiff berdasarkan kecederaan tersebut dan rawatan yang perlu dijalani untuk pemulihan kecederaan Plaintiff dan setelah Mahkamah Sesyen membandingkan laporan Plaintiff dan laporan Defendan pada hemat Mahkamah keputusan jumlah RM5,000.00 untuk rawatan kecederaan pergigian (*dental injuries*) dan RM75,000.00 untuk tujuan bantuan pendengaran dan RM15,000.00 untuk *cord vocal* adalah sesuatu yang wajar dan tidak membolehkan Mahkamah ini mengganggu dapatan tersebut.

[29] Begitu juga dengan dapatan Hakim Mahkamah Sesyen berkenaan dengan gantirugi khas berkaitan pendapatan masa hadapan, kos penjagaan sebelum perbicaraan, penjagaan sebelum perbicaraan dan penjagaan selepas perbicaraan. Kesemua itu Mahkamah berpendapat penelitian yang wajar telah dibuat oleh Hakim



Mahkamah Sesyen dalam mencapai jumlah yang telah diberikan atau menolak tuntutan-tuntutan tersebut.


[30] Mahkamah ini tidak bercadang untuk membincangkannya secara terperinci tetapi memadai untuk menyatakan bahawa setelah meneliti alasan penghakiman dan keterangan saksi-saksi serta dokumen-dokumen yang dikemukakan keputusan Hakim Mahkamah Sesyen dalam hal tersebut adalah wajar dan tidak ada sebarang alasan untuk Mahkamah ini mengganggu dapatan tersebut.

[31] Adalah jelas dan nyata bahawa Mahkamah ini tidak boleh mengenepikan atau mengganggu dapatan hakim bicara berkenaan dengan kuantum gantirugi semata-mata disebabkan tidak berpuas hati atau bersetuju dengan jumlah yang diputuskan oleh hakim bicara. Sebaliknya Mahkamah perlu meneliti sama ada hakim bicara telah mempertimbangkan keterangan-keterangan saksi-saksi, laporan-laporan pakar dan keterangan-keterangan lain di samping meneliti panduan yang telah diputuskan oleh Mahkamah berkenaan dengan kuantum gantirugi tersebut. Jika Hakim Mahkamah Sesyen telah meneliti kesemua perkara-perkara tersebut dalam memutuskan jumlah amaun yang sewajarnya Mahkamah ini berpendapat tiada alasan untuk Mahkamah ini mengganggu dapatan tersebut. Dalam kes ini Mahkamah berpendapat Hakim Mahkamah Sesyen telah mempertimbangkan perkara-perkara tersebut sebelum menetapkan jumlah amaun gantirugi seperti yang diputuskan dalam kes ini.



[32] Setelah menimbangkan semua itu Mahkamah memutuskan rayuan oleh Perayu adalah ditolak. Keputusan Hakim Mahkamah Sesyen terhadap kuantum dikekalkan dan kos RM5,000.00 tertakluk kepada fi alokator.

Bertarikh: 26 hb. Januari 2024



(ROSLAN BIN MAT NOR)

HAKIM

MAHKAMAH TINGGI MALAYA
TEMERLOH, PAHANG DARUL MAKMUR

PIHAK-PIHAK:

Bagi Pihak Perayu/Defendant

Koh Jun Wen

Tetuan Gan Ho & Razlan Hadri

Kuala Lumpur

Bagi Pihak Responden/Plaintif

Balvinder Singh

Tetuan Saleem Gill & Partners

Bentong, Pahang Darul Makmur

